

Kehidupan itu seperti menaiki sebuah bus awam. Kadang-kadang kita terasa selesa. Kadang-kadang kita terasa perjalanannya begitu lambat sekali. Ia tetap terikat pada sukatan masa walau bagaimana kita merencanakan permulaan suatu perjalanan belum tentu berakhir di hujung suatu perhentian. Umamamanya, kesesakan lalu-lintas di jalan raya tak ubah seperti cabaran hidup kita. Ia merupakan gejala di luar jangkauan kuasa kita. Dia sebenarnya berada dalam sebuah bus dan sedang bercakap dalam hati. Begitulah, hari-hari dia harus menimbang dan merencanakan sesuatu kalau dia bersendirian di dalam bus awam. Esok, kalau dia akan mengulangi perjalanan itu dia akan menaiki bus yang lain dan menemui wajah-wajah asing yang tenggelam dalam fikiran masing-masing. Mungkin juga ada yang berkongsi kehidupan yang sama. Seperti dia, mereka melalui satu perjalanan yang telah ditetapkan. Melainkan dia mahu mengubah perjalanan itu. Perjalanan hidupnya.

Hari ini fikirannya tiba-tiba terfikir tentang hal yang lain. Dia harus berani mengambil keputusan untuk mengubah strategi perjalanan hidupnya. Jika tidak dia akan senantiasa terbelenggu oleh perasaan tidak puas hati. Inilah yang dikatakan barah yang tidak nampak dalam benak kepalanya. Iaitu rasa tidak senang hatinya terhadap orang lain. Perasaan sedemikian memangnya tertumpu kepada manusia, bukan benda atau idea. Itulah yang dinamakan perasaan cemburu. Ia terbetik hasil dari perbincangan dengan kawannya di tempat kerja, sebelum berjalan pulang. Walaupun pangkat kawannya lebih rendah daripada dia, kawannya sentiasa tenang dan ceria. Lalu dia tanya apakah yang membuat kawannya mempunyai kelebihan seperti itu. Kawannya

menjawab dengan menukil kata-kata dari sebuah buku motivasi. Fikiran orang kecil memikirkan tentang kerja. Fikiran orang sederhana memikirkan tentang benda atau barangan. Fikiran orang besar memikirkan tentang idea atau buah fikiran yang bernas. Tapi, orang yang macamana pula yang terpaksa memikirkan tentang cinta sepanjang masa ?

Hatinya semakin bercelaru. Benar, setiap manusia tetap mempunyai pengalaman yang berbeda dalam bercinta. Cinta bukan suatu perhentian. Ia harus bergerak supaya tidak menjemukan. Bila ada cinta barulah ada kehidupan. Cinta itu bukan merupakan sebuah pelabuhan tapi sebuah kapal yang harus tinggalkan dermaga dan melakukan pelayaran yang baru. Pelayaran yang memerlukan seorang nakhoda yang cekap. Cekapkah dia menjadi seorang nakhoda ?

## Hendak Bunuh Cemburu

Sungguh malang sekali kalau cintanya dikongsi sama oleh orang lain. Dan orang lain itu mungkin juga berada sama dalam bas awam yang sama. Siapa tahu ? Hidup adalah serba-serbi kemungkinan. Dia perhatikan sekelilingnya. Wajah-wajah yang memandang kosong ke luar tingkap bas tapi fikiran mereka tentu ada yang bercelaru seperti mana yang dia alami sekarang. Oleh kerana dia masih memikirkan tentang orang yang satu itu, tak dapat tiada dia berhak menyimpan rasa cemburu kerana orang yang satu itu adalah lelaki yang telah mengganggu hidupnya. Kenyataannya, lelaki itu telah lebih dulu kenal isterinya. Sekarang dia sendiri yang bernama Zulkifli kepingin benar bertemu lelaki itu. Perasaan cemburu itulah yang membuatkan Zulkifli lebih suka menaiki bas awam dan membiarkan isterinya memandu kereta pulang ke rumah. Dia masih mencari lelaki yang berkongsi hidup dengan isterinya.

Zulkifli yang berusia dalam lingkungan 40an masih kelihatan segar. Setiap pagi sebelum pergi kerja, dia akan bercukur dulu. Kemudian dia menyemburkan *au de cologne* di bahagian dagu dan kedua belah pipinya. Baju dan seluarnya kelihatan kemas dan rapi. Mungkin dia diberikan perhatian yang sempurna daripada seorang isteri yang penuh berbakti. Dia harus bersyukur mempunyai Jamilah sebagai isterinya yang tersayang. Mengapa tidak. Semua orang akan merasa cemburu kalau melihat dia berjalan dengan Jamilah yang kelihatan manja dan suka merangkul tangan suaminya. Zulkifli tahu ada yang cemburu melihat mereka berdua setelah tahu Jamilah 10 tahun lebih muda daripada suaminya. Ibunya orang pertama yang melahirkan kebimbangannya tentang perbezaan umur itu. Dia akui bahawa Jamilah kelihatan terlalu muda untuk menjadi isteri Zulkifli. Bagi Zulkifli, umur bukan penghalang untuk dia berkahwin dengan Jamilah. Umur juga bukan ukuran cinta.

“Kau akan mengharungi banyak kepayahan kalau kau mengahwini perempuan muda itu. Dia bukan saja cantik tapi cerdik,” begitulah amaran yang diberikan oleh ibu Zulkifli.

“Tapi saya cintakan dia, mak. Dia tidak minta apa-apa daripada saya kecuali cinta,” Zulkifli cuba meyakinkan ibunya bahawa pilihannya mengambil Jamilah sebagai isteri tepat dan munasabah.

“Kau tak boleh hidup semata-mata dengan cinta saja.” Ayah Zulkifli mencelah, “Kau mesti bijak menangani cemburu. Berkahwin dengan isteri cantik, sedap mata memandang, sakit hati menanggung.”

## Hendak Bunuh Cemburu

“Saya dan Jamilah sudah bincangkan tentang soal itu. Dia matang dan tahu tentang cinta dan kehidupan. Kami akan berusaha bahawa cinta antara kami berdua tidak luput. Kalau kita bercinta dengan sejujur-jujurnya, cemburu tidak akan timbul dalam hidup kami.”

Memang benar. Keutamaan dalam hidup mereka bukan merupakan kebendaan. Jamilah melarang Zulkifli dari membeli sebuah lagi kereta semata-mata untuk pergi ke pejabat dan pulang ke rumah. Negeri kita kecil dan jumlah kereta di jalan raya sudah tidak terbandung banyaknya. Mempunyai sebuah kereta bukan merupakan satu kemudahan dan kemestian lagi. Zulkifli boleh mengambil bas atau MRT.

Zulkifli kemudian tahu ibunya pernah bertanya Jamilah kenapa dia sukakan Zulkifli. Jamilah hanya menjawab bahawa dia sentiasa merasa senang dan ceria setiap kali dia berada bersama Zulkifli. Mungkin jawapan seperti itu membuatkan kedua orang tua Zulkifli meminta perkahwinan mereka ditangguhkan dulu. Mereka masih belum yakin samada Jamilah itu merupakan calon isteri yang tepat dan bijak. Dia mungkin bijak dalam pelajaran tapi belum tentu bijak dalam kehidupan dan perkahwinan. Mempunyai pelajaran tinggi belum tentu dapat menjamin kebahagiaan seseorang bila dia berumah tangga. Kata-kata ayahnya itu selalu datang sewaktu dia bersendirian diselang-seli kesibukan kota raya.

Zulkifli juga faham bahawa perkahwinannya dengan Jamilah bukan permainan teka-teki. Dia harus mempunyai berbagai rencana untuk merencanakan perkahwinannya dengan Jamilah. Hidup harus diperbaharui dan kalau perlu lakukan bermacam kejutan. Cemburu juga merupakan satu kejutan dalam perkahwinan yang semakin hambar.

Dengan adanya kejutan, perkahwinan mereka akan menjadi lebih menarik. Begitulah kata-kata nasihat yang diucapkan oleh Jamilah dulu. Kata-kata itu juga membuat Zulkifli kadang-kadang menaruh curiga dan waspada.

Tiga tahun sudah berlalu. Baru sekarang Zulkifli sedar betapa benarnya nasihat ayahnya tentang cemburu itu. Ibu Zulkifli pula mula meyakinkan Zulkifli dengan berkata bahawa cemburu itu menandakan ada rasa kasih dan sayang. Orang yang tidak cemburu bermakna dia tidak pernah sayang. Ayahnya masih

## Hendak Bunuh Cemburu

juga ragu-ragu. Dia cuba memberikan pengertian lain tentang cemburu itu. Cemburu itu menandakan pasangan keluarga masih tidak percaya antara satu sama lain. Zulkifli cuba membujuk dirinya sendiri. Dia harus berpandangan positif tentang cemburu. Dia dan Jamilah akan jadikan cemburu itu sebagai mangkin untuk merencanakan perkahwinan mereka berdua. Tapi, sejak akhir-akhir ini, Jamilah memberitahu suaminya bahawa cemburu itu benar-benar wujud.

Oleh kerana itu Zulkifli kerap mengekori Jamilah. Dia benar-benar mahu tahu sama ada Jamilah masih bertemu dengan kawan lamanya itu. Perasaan cemburunya semakin membengkak. Jamilah kelihatan bimbang kerana fikirnya Zulkifli tidak menganggap serius tentang ancaman cemburu itu. Jamilah membuat helah lain sambil mengatakan bahawa cemburu itu boleh mengejutkan hidup mereka jika mereka sama-sama menanganinya secara inovatif. Zulkifli mula teruja dengan kata-kata isterinya. Mungkin isterinya sedang merencanakan satu tektik permainan cinta yang boleh merencanakan hubungan mereka berdua. Seperti cemburu, Jamilah memang penuh dengan idea-idea yang anih. Semalam, sewaktu mereka di katil pembaringan, Jamilah meminta suaminya supaya membunuh cemburu.

“Abang mesti bunuh cemburu. Dia berada dekat dalam kulit dan badan kita. Dia tidak suka melihat saya bermesra dengan abang, “ Jamilah memberi amaran. Zulkifli memeluk isterinya dengan penuh kasih sayang. Zulkifli tahu semakin dia merasa cemburu, semakin dia tidak mahu melepaskan isterinya. Tapi, keesokan harinya hidup Zulkifli kembali dengan rasa curiga. Bagaimana kalau isterinya berkata benar ? Jamilah bermain kayu tiga dengan cemburu. Siapa lagi kalau bukan dengan kawan baiknya itu. Kini cemburu mula memamah hati dan perasaannya. Zulkifli mula merasakan kesakitannya. Tidak! Kalau dia hendak hidup bahagia dengan Jamilah dia harus lenyapkan perasaan cemburu dari terus berligar-ligar dalam benak kepalanya. Atau cemburu itu hanya rekaan di kepalanya.

Untuk membuktikan kecurigaannya, Zulkifli sengaja pulang awal hari itu. Dia mahu memberikan kejutan kepada Jamilah. Jauh di lubuk hatinya dia mahu memerangkap cinta dan kejujuran seorang isteri. Kini wajah Jamilah terbayang bermain-main di fikirannya. Betapa terkejutnya Jamilah yang terpaksa membuat satu pengakuan yang mengecewakan mereka berdua.

## Hendak Bunuh Cemburu

Sebenarnya Zulkifli mahu memerangkap orang lain yang hidup dalam dunia percintaan Jamilah. Orang itu yang membuat hidup Zulkifli penuh dengan teka-teki. Haruskah ada orang lain dalam dunia percintaan mereka ? Mengapa harus ada ? Tidak! Orang itu harus dibunuh saja. Zulkifli tidak dapat mengawal kemarahannya. Dia lontarkan suara hatinya kuat-kuat ke luar tingkap bas. Jeritan itu tenggelam bersama bunyi jentera dan kenderaan yang meligatkan lagi hidup di kota raya. Rumah-rumah dan bangunan bergerak begitu cepat. Itulah kehidupan. Ia kelihatan bergerak walau sebenarnya tidak. Yang bergerak adalah bas yang dia naiki.

Kalaulah cemburu itu pepejal macam bangunan sudah tentu ia akan kelihatan depan mata Zulkifli . Antara cemburu, marah dan cinta - dia masih cintakan isterinya. Tiba-tiba berahinya datang menggantikan cemburu. Ia berada dalam pembuluh darahnya. Ke mana saja Zulkifli berada ia tetap ada bersama selagi dia bernafas dan hidup. Bas berhenti. Ada penumpang yang turun dan ada juga penumpang baru menaiki bas itu. Pasangan muda duduk depan Zulkifli. Mereka saling tersenyum dan ketawa. Zulkifli menjadi marah kerana cemburunya datang menyelinap kembali. Jelas sekali, dia masih belum mampu menyelesaikan masalah yang amat peribadi itu. Seperti yang selalu direncanakan, dia masih belum berani bersemuka dengan Jamilah.

Sekarang, Zulkifli sedang merencanakan agenda yang lain pula. Agenda yang amat peribadi dan mendebarkan hatinya. Dia akan mendesak Jamilah untuk mengakui bahawa dalam hidup mereka masih ada seorang lelaki lain yang begitu rapat dan mencero bohi lingkungan peribadi mereka. Lelaki itu harus dijelmakan. Selama ini lelaki itu bisa saja datang dalam berbagai bentuk dan halimunan fikiran. Dia tentu lebih senang menemani Jamilah seorang diri hingga ke akhir hayatnya. Itulah yang membuat Zulkifli gelisah dan curiga. Kata-kata curiga yang pernah diusulkan beberapa tahun dulu sebelum mereka setuju untuk bernikah.

“Benar Milah sudah fikir habis-habisan untuk menjadi isteri abang ? Milah jauh lebih muda dari abang. Abang takut Milah cepat jelak dengan abang.”

## Hendak Bunuh Cemburu

Jamilah hanya tersenyum melirik. Bibirnya basah merekah. Sungguh memberahikan. Dia menjawab lembut dan tenang, “Abang yang akan cepat bosan. Maksud Milah, hidup memang tidak boleh dipisahkan dari berbagai kegenjotan. Yang penting, kita mesti pandai memanfaatkan setiap masa dan ruang yang kita miliki. Kalau setakat cinta, ia akan luntur dek usia. Milah mahu setiap hari abang akan kelihatan muda. Sentiasa jadi orang lain. Maksud Milah, jangan biarkan cinta kita itu menjadi tua.”

“Satu hari kita akan tetap tua juga,” Zulkifli mengeluh tidak percaya.

“Abang tak perlu bimbang kalau abang terpikat dengan Milah. Milah ini bunga dan abang seekor lebah. Warna dan wangian bunga memang memikat lebah. Dan lebah memang terpikat oleh kecantikan dan haruman bunga. Tapi selepas lebah menghisap madu ia akan terbang ke bunga yang lain. Bunga ini tidak pernah mati kerana bisanya lebah. Cinta kita tak kan hapus kerana adanya cemburu di hati abang.”

Zulkifli agak terpaku mendengar jawapan Jamilah yang penuh misteri itu. Jawapan seorang wanita yang jauh lebih cerdik daripadanya. Dia mengajak suaminya berfikir dengan menggunakan perlambangan. Jamilah bukan golongan orang kecil yang hanya memikirkan tentang kerja seperti yang pernah dikatakan kawan kerjanya dulu. Demi untuk keutuhan cinta dan kehidupan suami-isteri, tidak menjadi masalah untuk mereka mempelbagaikan tuntutan mereka agar sentiasa muda dan bertenaga.

Akhirnya mereka setuju bernikah. Majlis perkahwinan mereka boleh dikatakan meriah juga. Ramai sahabat-handai dan sanak-saudara yang hadir. Zulkifli juga berkesempatan berkenalan dengan kawan-kawan Jamilah. Baik lelaki atau perempuan. Zulkifli lebih perihatin tentang umur mereka yang masih muda-muda belaka. Ada yang

sudah beristeri dan bersuami. Ada juga yang belum kerana masih mahu menumpukan kerjaya mereka dulu seperti Kamarul yang celupar itu. Kamarul secara berseloroh mencurahkan rasa belas dan kasihannya kepada Jamilah kerana memilih Zulkifli sebagai calon suami. “Cinta tidak kenal usia,” jawab Jamilah ringkas tapi penuh keyakinan. Zulkifli bangga terhadap isterinya. Dia percaya yang Jamilah cintakan dirinya tanpa berbelah bagi. Memang benar, hari-hari Zulkifli merasakan hidupnya penuh bahagia bersama Jamilah.

Tiba-tiba, kenikmatan itu bukan sesuatu yang berkekalan. Ia sama seperti madu bunga. Seperti lebah, Zulkifli masih mencari madu perkahwinannya. Segala rongga dan pembuluh darahnya meronta-ronta

## Hendak Bunuh Cemburu

minta dibelai. Pada mulanya dia cukup yakin bahawa kegersangan seperti itu hanya bersifat sementara. Kini cemburu telah membuat dirinya semakin marah. Dia harus melawan rasa benci yang tidak berasas itu dari terus membelenggu dirinya. Jika dia tidak berupaya melawan perasaan sedemikian dia akan cepat merasa bosan. Zulkifli tidak mahu jalinan hidupnya dengan Jamilah terburai disentak dek kebosanan. Kebosanan itu adalah bibit-bibit yang membuatkan seseorang itu kemurungan. Ia perlu dirawati.

Setiap langkah pulanginya terasa berat dan sakit selagi tidak dirawat. Bisikan suara hati yang sakit akan menjauhkan dirinya daripada Jamilah. Tiba-tiba, bunyi derapan sepatunya lebih nyaring dari bunyi lain. Ia sungguh mendebarkan. Bisikan hantu itu datang kembali. Cemburu telah menghantui dirinya semula. Kenapa Jamilah sentiasa menyambut kepulangannya dengan senyuman manja ? Apakah senyuman itu sengaja dibuat-buat ?

Kemarahan Zulkifli yang tertekan itu membuatkan dia teringat satu peristiwa di mana dia akhirnya bersemuka dengan Kamarul. Sebenarnya Kamarul yang bersusah-payah hendak berjumpa dengan Zulkifli. Mereka berkompromi sambil berbual dan minum kopi. Kamarul minum air batu limau kerana cuaca di luar memang panas. Zulkifli minum kopi O dan hatinya hitam seperti minumannya.

“Kau tahu tak, kerana wanita negeri sanggup berperang. Kerana wanita manusia sanggup berbunuhan ?” Kamarul bertanya dengan nada sinis. Dia tahu benar yang Zulkifli tidak akan mampu untuk menjawab soalan seperti itu. Kamarul sengaja hendak merendah-rendahkan kemampuan Zulkifli berdebat.

“Aku pernah belajar tentang psikologi manusia yang melakukan jenayah. Waktu aku di universiti dulu, aku juga pernah belajar tentang sejarah Yunani dan kenapa Julius Caesar dibunuh. Ramai orang ingat kerana kecantikan *Helen of Troy*, dua negeri berperang. Ramai orang ingat kerana kecantikan *Cleopatra*, negeri Mesir Kuno diserang.” Kamarul memerhatikan reaksi Zulkifli. Zulkifli hanya mampu menghabiskan kopinya. Kamarul rasa puas. Air limaunya masih belum belum lagi terusik.

“Aku tak pernah belajar sejarah kuno itu. Aku hanya tahu tentang aliran elektrik. Aku juga tahu, kenapa segala-galanya Tuhan ciptakan di dunia ini berpasangan. Positif dan negatif. Kalau bertemu, ia akan mencetuskan satu tenaga yang luar biasa,” jawab Zulkifli ringkas.

## Hendak Bunuh Cemburu

“Sebenarnya, peperangan yang berlaku di Yunani dan Mesir Kuno itu telah dirancang oleh rasa benci dan dendam. Kau mesti berhati-hati sebab isteri kau itu

cantik. Tak semua orang suka melihat kau berkahwin dengan Jamilah. Aku sendiri pernah tergila-gilakan Jamilah. Itu dulu, semasa kami sama-sama belajar di universiti.”

“Jamilah pernah cakap kau suka bertukar-tukar perempuan. Dia tak pernah percaya dengan lelaki macam itu.” Zulkifli merentap ego Kamarul yang melampau itu.

“Sebab itu dia tak tak mahu kahwin dengan aku ?” Zulkifli tak perlu jawab. Kamarul habiskan air limaunya dan bingkas berdiri. Baru dua-tiga langkah berjalan, dia menoleh pandang Zulkifli untuk kali terakhir.

“Kau jaga isteri kau baik-baik. Aku tahu kau bukan orangnya yang sanggup lakukan pembunuhan kerana wanita cantik!” Kamarul tersenyum mengejek. Dia tidak perlukan jawapan Zulkifli dan terus berjalan keluar.

“Aku akan bunuh cemburu!” Zulkifli menjawab untuk dirinya sendiri.

Apa yang pasti, Zulkifli akan melampiaskan rasa dendam dan benci itu kepada Jamilah. Ini bukan peperangan tapi suatu permainan yang belum pernah dilakukan oleh pasangan suami-isteri. Dia harus mempunyai keberanian untuk membuktikan yang Kamarul salah. Keberanian untuk melakukan kejutan dalam rutin hidup mereka berdua. Kalau perlu dia juga harus berani menghapuskan lelaki durjana yang selalu datang mengulit batang tubuh Jamilah tanpa perasaan cinta. Lelaki itulah hantu. Lelaki itulah cemburu. Lelaki seperti itu tidak pernah kenal erti cinta dan dia tidak berhati perut langsung. Dia tidak boleh dibiarkan mengganggu Jamilah.

Zulkifli mengetap bibirnya. Degupan jantungnya semakin kencang. Kini dia berada di pintu pagar sebuah rumah teres yang baru mereka beli itu. Rumah bahagia untuk mereka berdua. Sebuah kereta yang digunakan oleh isterinya terletak depan rumah. Enjin kereta masih panas bermakna Jamilah baru pulang. Lampu yang selalu



## Hendak Bunuh Cemburu

menerangi depan pintu tidak bernyala. Ada kerosakan elektrik atau sengaja lampu itu dipadamkan Jamilah. Cemburu Zulkifli semakin membuak-buak. Tak tertampung lagi. Akan berlaku satu pembunuhan sebentar nanti. “Aku akan bunuh kau, cemburu ?”, bisik hati Zulkifli.

Hari pertama, mereka berpindah ke rumah baru itu, ramai teman-teman turut membantu mengangkat segala perabot dan barang-barang keperluan. Mereka mengucapkan tahniah kepada Jamilah. Kamarul mendekati Jamilah dan membisikkan sesuatu ke telinganya. Jamilah tersenyum riang. Zulkifli pura-pura tidak nampak keriang yang tertera di wajah Jamilah. Senyuman isterinya sungguh memikat seperti sekuntum bunga yang sedang mekar di hutan. Zulkifli amat ingin tahu apakah yang tersirat dalam hati Jamilah. Apakah sebabnya yang membuat Jamilah tiba-tiba tersenyum riang ? Adakah mereka berdua sedang mempersendakan dirinya ? Wajah Jamilah kelihatan cantik dek keriang itu. Sepatutnya Zulkifli yang berhak membisikkan kata-kata cinta di telinga isterinya. Kalau boleh, biarlah Jamilah merasa terangsang oleh bisikan asmara yang lahir dari mulut suaminya sendiri. Ah...! Kamarul memang keparat. Dia hantu. Sehari dia berada tidak jauh dari Jamilah. Dia sungguh tidak menghormati tuan rumah seperti Zulkifli. Mungkin dia memang sengaja tidak mahu nampak Zulkifli berada di dalam rumah itu. Atau dia memang sengaja hendak melihat Zulkifli diamok perasaan cemburu. Benarlah apa yang dipesan ayahnya dulu. Orang bercinta tidak pernah waras. Alam percintaan tidak dapat membezakan batas waktu dan tempat, Cinta itu hanya emosi. Perkahwinan itu realiti hidup.

“Abang tak suka kalau Kamarul datang lagi ke rumah kita,” Zulkifli lahirkan kebimbangannya selepas semua tetamu pulang. Jamilah tersenyum. Senyuman yang memikat. Pipinya kemerahan seperti warna bunga.

“Kamarul tak kan berjaya mencuri Milah dari abang. Milah tahu benar siapa Kamarul itu,” Jamilah kembalikan keyakinan suaminya.

“Apa yang Milah tahu ?”

“Dia tak pernah serius dengan perempuan. Kata-kata yang keluar dari mulutnya penuh benci dan dendam.”

“Dia tidak suka tengok Milah kahwin dengan abang.”

## Hendak Bunuh Cemburu

Jamilah tidak perlu panjangkan perbualan mereka tentang Kamarul lagi. Dia terus merangkul leher Zulkifli sambil membisikkan sesuatu ke telinganya.

"Milah suka bila tengok abang cemburu. Abang nampak bernafsu!"

Zulkifli melangkah masuk. Terburu-buru sekali. Satu kejutan lagi. Jamilah menyambut ketibaannya dengan tersenyum riang. Senyuman itu pernah diberikan kepada teman rapatnya dulu. Apa yang membuatkan senyuman itu muncul kembali? Mungkin dia telah datang menemui isterinya. Keyakinan Zulkifli semakin bertambah. Memang lelaki itu tidak dapat melupakan Jamilah. Bagus sekali kalau dia masih berada di dalam rumahnya. Mudah untuk Zulkifli menjalankan segala perencanaan yang telah diaturkan selama ini. Zulkifli memberikan ciuman ringkas. Hidungnya sempat singgah ke pipi Jamilah. Dia cuba mencari bau lelaki lain. Tidak berjaya. Jamilah sudah duduk di sofa. Biarkanlah Kamarul menyorok di mana-mana. Biarkan dia bersembunyi macam tikus ketakutan. Yang penting, hari ini dia tidak akan terlepas dari perangkap cinta.

"Abang rihatlah dulu, biar Milah buat minuman sejuk." Jamilah bergegas ke dapur untuk menyiapkan segelas air limau. Zulkifli tersentak. Itu bukan minuman kegemarannya. Itu adalah minuman yang selalu dihidangkan untuk Kamarul setiap kali dia datang berkunjung ke rumah mereka. Syak wasangkanya semakin kuat. Sahlah yang Kamarul datang lagi dan Jamilah memang kelihatan luar biasa ghairahnya.

"Buatkan abang kopi, sayang." Zulkifli meminta minuman lain. Dia sengaja menolak minuman air limau itu seolah-olah memberi amaran bahawa dia tidak suka dengan minuman kegemaran Kamarul. Air limau itu melambangkan rasa cemburu dan kebencian. Tiba-tiba darah gemuruhnya naik memuncak. Debaran jantungnya terasa keras sekali. Zulkifli memandang segenap ruang di situ. Masih kelihatan serupa. Langsir hijau daun dan pasu-pasu bunga kecil masih kelihatan rapi terletak atas meja hias. Nampaknya memang tidak ada jambangan bunga yang baru. Lelaki keparat itu sungguh tidak romantik. Dia hanya berhajatkan cinta percuma. Mata Zulkifli meneroka sekali lagi. Tidak ada buah tangan atau sebarang bentuk hadiah yang diberikan Kamarul. Ruang tetamu itu tidak berubah. Zulkifli ingat betul tentang susunan sofa dan perabot di ruang tetamu rumah mereka.

## Hendak Bunuh Cemburu

Dulu, Jamilah pernah bercanda mengatakan bahawa hidup yang terlalu rutin amat membosankan. Mereka perlu berani mencuba segala macam resepi perkahwinan. Cinta mereka harus dibumbui rempah-ratus, lada dan garam secukup rasa. Untuk itu Jamilah kata Zulkifli harus menjadi orang lain. Zulkifli pun menjadi tukang masak yang profesional. Itulah salah satu kejutan yang berlaku dalam perkahwinan mereka.

Kalau Kamarul masih bersembunyi bermakna ia memang satu kejutan besar. Perasaan cemburu Zulkifli membuatkan dia bergegas masuk ke kamarnya. Kamar tidurnya sudah diubah menjadi gelanggang pesona asmara. Cukup romantis. Warna langsir biru dan kelopak mawar merah jambu bertaburan di atas cadar katil. Ia sungguh memberikan kelainan suasana dan merangsang pancaindera. Bau haruman bunga berligar-ligar di ruang udara dan benar-benar mengusik asyiknya.

Yakinlah Zulkifli tentang mengapa Jamilah pulang awal semata-mata untuk melakukan persiapan menyambut seorang kekasih. Kekasih yang sentiasa sedia berkencan dan memadu asmara hingga ke kemuncak fantasi.

Jamilah datang membawa secangkir kopi. Senyumannya masih melirik. Apakah dia mengejek Zulkifli atau dia melihat orang lain di depannya.

“ Saya terpaksa membatalkan kuliah saya semata-mata saya dapat bertemu-duga dengan awak,” Zulkifli menjadi orang lain sambil memulakan temuduga dengan begitu formal.

“ Tidak bolehkah awak tunggu sebentar supaya saya mandi dulu. Saya mahu berpakaian lebih sempurna untuk temuduga ini. Bau peluh di badan amat mengganggu saya. Cuaca di luar amat panas. Kebetulan saya banyak menghabiskan sisa-sisa waktu bekerja di luar tadi.”

Zulkifli berfikir seketika. Kenapa tidak dia saja yang menjadi Kamarul kalau Kamarul yang Jamilah nanti-nantikan. Lelaki keparat itu tentu belum sempat keluar dan

dia sedang menyorok seperti tikus ketakutan. Satu keghairahan mula datang mengusik dirinya. Mandi dan sesudah itu di kamar fantasi. Oh tidak. Dia harus cepat mengusulkan banyak pertanyaan agar temuduga itu lebih bermakna untuk dirinya sendiri. Dia ingin menyiksa Kamarul yang sudah jadi tikus itu.

“Sebenarnya saya ingin mengajukan beberapa soalan untuk tesis saya. Kalau awak tidak keberatan, boleh saya mulakan ?” Zulkifli memandang tepat seperti meminta kepastian. Namun dia nampak benar cerahnya retina mata hitam Jamilah. Cerah oleh sinaran berahi. Jamilah tersenyum dan duduk di sisinya.

“Bolah saya tahu apakah jenis pengkajian yang sedang awak lakukan ? Sejauh mana saya dapat membantu dalam kajian itu ?” Jamilah bertanya dengan penuh kemanjaan. Tangannya singgah nakal di peha Zulkifli. Zulkifli semakin resah.

“Begini! Mana yang lebih utama dalam hidup anda, kerjaya atau rumah tangga ?”

“Cinta. Hidup tidak bermaya kalau tidak ada cinta. Untuk apa kita berkahwin kalau kita tidak tahu menggilap cinta. Saya tidak akan mempunyai tenaga untuk mempertingkatkan kerjaya saya jika tidak ada cinta.”

“Tapi memburu kerjaya kadang-kadang terpaksa mengorbankan cinta ?”

“Cinta telah memburu saya sejak dulu lagi sebelum saya masuk di alam pekerjaan. Suka atau tidak, cinta untuk saya harus berlaku di mana-mana. Di pejabat, di rumah atau di taman. Sebab itu saya selalu menginginkan sesuatu kelainan dalam bercinta supaya tidak membosankan.” Jamilah menjawab lancar dan lirikan senyumannya sungguh mengusik lelaki depannya. Lelaki itu hampir hilang pertimbangan.

“Tapi, cinta yang kuat itu harus jujur dan luhur”, Zulkifli mahu soal lagi.

“Saya tidak menafikannya”, jawab Jamilah setuju.

“Tapi, mengapa harus ada penyelewengan dalam bercinta ?”

“Kerana cintanya sudah hilang seri. Sebelum ia mati, ia harus diberikan kepada orang lain.”

“Siapa harus dipersalahkan kalau berlaku penyelewengan dalam bercinta ?”

## Hendak Bunuh Cemburu

“Kedua-duanya sekali. Kita hidup tidak ubah seperti kerikil yang dibawa arus sungai. Kalau ia tenggelam jauh ke dasar sungai, ia akan berlumut dan sukar dibersihkan.”

“Betulkah cinta itu tidak pernah puas ? Ia senantiasa mencari kelainan dalam berkencan ?” Suara garau lelaki itu semakin tidak keruan.

“Mana ada kepuasan dalam bercinta ? Kalau ada kepuasan maka tidak ada lagi pembangunan dalam dunia. Tidak ada lagi warna-warna kehidupan.

“Jadi, awak setuju bahawa penyelewengan dalam bercinta harus ada ?”

“Setuju dalam ertikata bahawa ia hanya maya dalam perkahwinan.”

Wah! Dia sudah keterlaluan. Zulkifli sudah tidak dapat membendung kemarahan yang berbau rasa cemburu itu. Hatinya berbisik pedih, “Kalau kau boleh menyeleweng mengapa aku tidak”. Zulkifli mula terangsang dan ingin berasmara dengan wanita yang dia sedang temuduga itu. Jamilah hanya maya. Dia terus menerkam dan membenamkan hidungnya di leher yang licin lagi lembut itu. Mereka mencari liang dan roma penyerahan. Dendam dan benci sudah tidak ada lagi. Jamilah tidak berpura-pura dalam bercinta. Dia cukup sedar yang dia sudah berjaya menjadikan Zulkifli lelaki lain. Lelaki yang selalu datang mengulit mimpinya. Tiba-tiba warna kulit di setiap tubuh badan Jamilah bertukar warna. Jamilah sudah menjadi bunga yang mekar dan keharumannya menyelinap ke seluruh ruang. Zulkifli harus menjadi lebah yang terpikat dek warna bunga itu.

“Milah selalu mimpikan bagaimana rasanya kalau Milah berselingkuh. Kini mimpi Milah menjadi kenyataan”, bibir Milah bergetar oleh desahan nafasnya yang tersekat-sekat itu.

Zulkifli sudah hilang kawalan. Dia terus memapah tubuh Jamilah masuk ke kamar. Memang dari dulu lagi dia tidak pernah berpura-pura. Dia amat cintakan bunga yang kembang mekar dan cantik menawan itu. Untuk mendapatkan kenikmatan itu dia harus menjadi lelaki lain. Dia juga berselingkuh untuk melampiaskan seleranya yang seru.

“Jangan sekali-kali Milah percaya dengan kebaikan lelaki lain,” pernah Zulkifli memberi amaran kepada Jamilah. Jamilah masih lagi tersenyum. Tersenyum dalam satu permainan cinta yang mengasyikkan. Jamilah faham tentang kekuatan cemburu yang ada dalam tubuh Zulkifli itu. Sebentar lagi, Zulkifli akan menukarkan cemburu itu dalam bentuk berahi yang tidak terkawal sekali.

## Hendak Bunuh Cemburu

Lampu kamar yang samar-samar telah memberikan suasana yang harmonis. Suasana yang tidak menjemukan. Mereka karam dalam kelainan. Mereka sudah jadi orang lain. Zulkifli sudah lupa tentang temuduga. Jamilah sudah lupa untuk berpakaian lebih sempurna. Hanya waktu yang berdetik, menyukat nafas-nafas mereka yang pulas.

Jamilah tiba-tiba merengek dan mengejek tentang kebenaran jawabannya sebentar tadi. Keperluan cinta lebih utama dari keperluan pekerjaan.

“Cinta dan cemburu harus menjadi satu,” bisik Jamilah di telinga Zulkifli. Lembut dan manja sekali.

“Terima kasih, Milah. Cinta memang tidak kenal usia asalkan kita perbaharui setiap masa.”

“Besok abang jadi apa pula ?”, Giliran Milah untuk bertanya.

“Kebetulan lampu di luar tu rosak. Nanti abang suruh pegawai elektrik betulkan,” Zulkifli tersenyum puas.

Jamilah merangkul erat tubuh Zulkifli. Tubuh lelaki yang selalu mengganggu hidup peribadinya sudah tidak ada lagi. Zulkifli tidak perlu mempersoalkan lagi tentang kenapa dia pilih Jamilah sebagai isterinya yang satu.

“Milah tak sabar hendak mendengar pengakuan seorang pegawai elektrik itu. Abang tak cemburu ke ? ”

“Abang hendak bunuh cemburu. Abang tak perlu bunuh pegawai yang datang betulkan lampu.”

Jamilah menggigit lembut telinga Zulkifli sambil berkata manja, “Sejauh mana abang berjaya membunuh cemburu itu, dia tetap hidup bersama kita”.

## Hendak Bunuh Cemburu

Zulkifli hanya tersenyum. Jauh dalam lubuk hatinya dia rasa menyesal kerana tidak berjaya melakukan suatu pembunuhan. Kata-kata Kamarul datang menyindir di telinganya. Ia datang berselang-seli dengan bisikan manja Jamilah. Dan Zulkifli dapat rasakan seolah-olah suara Kamarul yang masih berligar di kamar itu.

Sewaktu mereka tenggelam dalam asyik, sesusuk tubuh lelaki telah berjaya masuk dan sedang berdiri di belakang mereka. Matanya galak dirasuk cemburu yang menggila seperti serigala. Dengan cepat dia menghunus sebilah pisau. Bias cahaya lampu dari dinding kamar jelas menampakkan yang pisau itu berkilat dan tajam. Dengan satu kibasan, pisau itu mencecah leher Zulkifli. Cukup untuk membuat satu luka yang panjang dan dalam. Jamilah terlalu takut untuk menjerit minta tolong. Pisau itu bertukar ganti mengelar lehernya. Kedua suami-isteri itu kaku dalam pelukan kasih sayang. Hanya darah yang masih mengalir, membasahi cadar dan bantal. Warna darah yang telah bersatu dengan kelopak-kelopak mawar merah jambu.

“Jangan salahkan aku. Aku sudah bisikkan amaran aku ke telinga kau.”

Lelaki itu terus berlari keluar. Di luar sudah gelap. Pegawai elektrik tidak akan datang besok membetulkan lampu yang rosak. Bayangan tubuh berpakaian serba hitam hilang bersama malam.

(3610 words)